



[Home](#) / [2023](#) / [August](#) / UiTM dan Pustaka Negeri Sarawak tandatangani MOC peringkat jaringan kerjasama antara perpustakaan

## BERITA MOU

03/08/2023 / Asmah binti Sabtu



SAMARAHAN, 3 Ogos 2023 – Detik bersejarah telah terlakar antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Pustaka Negeri Sarawak apabila telah menandatangani Memorandum Kerjasama (MOC) sewaktu program “Sarawak, Ibu Pertiwiku” pada 2 Ogos 2023 hari Rabu bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) kampus Samarahan 2, UiTM cawangan Sarawak.

Majlis menandatangani MOC telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM YBhg. Profesor Dr. Mohamad Hariri Haji Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak YBrs. Tuan Haji Japri Bujang Masli.

Turut hadir Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UiTM cawangan Sarawak YBhg. Profesor Madya Ts. Dr. Mohammad Isa Mohamad, Pengurus Besar Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak YBhg. Datu Dr. Haji Sanib Haji Said, Ketua Timbalan Pustakawan YBrs. Tuan Haji Azizi Haji Jantan dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Pustaka Negeri Sarawak YBrs. Encik Wan Mazli Wan Razali.

Dengan termetrinya MOC ini akan membuka lebih banyak ruang kerjasama antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM dan Pustaka Negeri Sarawak dalam aspek inovasi, latihan dan perkongsian sumber perpustakaan.

Tetamu kehormat akhirnya dibawa melawat ke Galeri Islam Nusantara yang mempamerkan bahan-bahan bersejarah Negeri Sarawak. Lebih 50 orang tetamu daripada lain-lain agensi kerajaan telah hadir bagi memeriahkan majlis bersejarah ini.



Tags: [Memorandum Kerjasama](#), [Memorandum of Collaboration, MOC](#), [Pusat Sejarah Negeri Sarawak](#)

SEMINAR IBU BAPA ANAK BERKEPERLUAN KHAS:  
BANTU AGENDA PEMBERDAYAAN ORANG KURANG  
UPAYA (OKU)

Official Visit from the Faculty of Medicine,  
Universitas Hasanuddin, to the Department of  
Rehabilitation Medicine, Hospital Al-Sultan Abdullah

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

